

21/12/1999

Isa: Isu Waad sudah selesai

SEREMBAN, Isnin - Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad menganggap kontroversi pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gemencheh, Datuk Waad Mansor sebagai ahli Exco sudah selesai dan tidak perlu diperbesarkan lagi.

"Apa lagi hendak cakap. Sudah habis ... selesai," katanya merujuk kepada keputusan Waad yang meletak jawatan itu Sabtu lalu dengan alasan untuk menjaga kepentingan parti dan kerajaan negeri.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat projek menaikkan taraf Sungai Mantau, Mambau hari ini, Isa menjelaskan wujud kekeliruan berhubung kenyataannya oleh Utusan Malaysia hari ini.

"Sebenarnya, saya tidak bercakap (untuk membuat kenyataan akhbar). Saya bercakap saja tetapi dia (wartawan akhbar berkenaan) tulis, apa boleh buat," katanya.

Isa dilaporkan oleh akhbar itu sebagai berkata, selepas Datuk Ishak Ismail dan Datuk Napsiah Omar membuat kenyataan mengenai Waad, Umno bahagian Kuala Pilah dan mungkin selepas itu, Umno bahagian Jelevu akan berbuat demikian.

Ishak ialah Ketua Umno bahagian Seremban dan Adun Lenggeng, manakala Napsiah ialah Ketua Wanita Umno negeri dan Ahli Parlimen Kuala Pilah.

Sebelum ini, sekurang-kurangnya tiga bahagian, Seremban, Kuala Pilah dan Jelevu mahu Isa bertanggungjawab terhadap pelantikan Waad ke jawatan Exco, kerana dibuat tanpa perbincangan atau pandangan bahagian.

Kenyataan itu menyebabkan Ketua Umno bahagian Jelevu, Yunus Rahmat, melahirkan perasaan kecewa terhadap Mohd Isa yang dianggap mengheret nama bahagiannya dalam isu Waad.

Isa juga berkata, belum semua Umno bahagian mengemukakan laporan berhubung pilihan raya umum lalu, termasuk nama ahli parti yang belot atau bersubahat dengan parti pembangkang.

Beliau yang juga Pengerusi Perhubungan Umno negeri, mahu ahli Umno negeri mengutamakan parti daripada individu seperti dinasihatkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jika individu lebih diutamakan, apabila individu berkenaan tidak dapat bertanding dalam pilihan raya, pengikutnya melakukan sabotaj. Sifat ini perlu dibuang.

"Siapa yang bertanding bukan persoalan utama...yang penting parti," katanya sambil menambah, masalah itu bukan hanya berlaku di negeri ini, tetapi seluruh negara.

Mengenai penubuhan pusat perkhidmatan wakil rakyat, beliau berkata semua Adun perlu mempunyai pusat itu, tetapi tidak semestinya di bangunan khas, sebaliknya boleh beroperasi di pejabat parti.

Katanya, Adun perlu berada di pusat itu pada hari tertentu untuk menyelesaikan masalah rakyat.

(END)